

HEBAHAN: PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA-KOREA DI REPUBLIK KOREA TAHUN 2017

Unit Komunikasi Korporat

Sent: Tuesday, 21 March, 2017 12:30:22 PM

To: KPM

Attachments: SURAT JPA PERTUKARAN BELIA~1.pdf (443 KB) ; LAMPIRAN I BELIA MALAYSIA~1.pdf (517 KB) ; LAMPIRAN B BELIA MALAYSIA~1.pdf (174 KB) ; LAMPIRAN C BELIA MALAYSIA~1.pdf (155 KB)

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENCALONAN BAGI MENGIKUTI PROGRAM PERTUKARAN BELIA MALAYSIA-KOREA DI REPUBLIK KOREA TAHUN 2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah menerima pelawaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) untuk mengemukakan pencalonan bagi mengikuti **Program Pertukaran Belia Malaysia-Korea Di Republik Korea Tahun 2017** yang akan diadakan pada **24 Oktober 2017 hingga 2 November 2017 (10 hari)**.

3. Sehubungan dengan itu, pegawai-pegawai **Kumpulan Pelaksana Gred 1 - 40** yang berminat adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan program tersebut tertakluk kepada kebenaran dan kelulusan Ketua Jabatan masing-masing serta memenuhi semua syarat/dasar permohonan yang ditetapkan oleh JPA. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian di laman web JPA www.jpa.gov.my atau <http://esilav2.jpa.gov.my> dan dibuka mulai 20 Mac 2017 sehingga 31 Mac 2017.

4. Bersama-sama ini disertakan salinan surat pelawaan JPA(I)S.175/8/36-29/1Klt.4 (11) bertarikh 20 Mac 2017. **Hanya permohonan yang lengkap akan diproses.** Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dimuat turun dan dicetak dengan disertakan dokumen-dokumen berikut:

- i. Borang JPA(L)LDP 1A/96 – (Lampiran B) akan **disediakan oleh BPSM**;
- ii. Borang Perakuan Ketua Jabatan – Lampiran C;
- iii. Salinan Senarai Tugas; dan
- iv. Salinan Kad Pengenalan Calon.

5. Permohonan yang lengkap perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **30 Mac 2017 (Khamis) jam 5:00 petang** seperti berikut:

5.1 Bagi Pegawai Perkhidmatan Bukan Guru (PBG)

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan
Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Kementerian Pendidikan Malaysia
Aras 4, Blok E12, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 Putrajaya

u.p.: Puan Paridah binti Ali, Tel: 03-8884 7947, Faks: 03-8884 7925,

Emel: paridah.ali@moe.gov.my

u.p.: Encik Danial Abdillah bin Suhaimi, Tel: 03-8884 7943,

Faks: 038884 7925, Emel: danial.suhaimi@moe.gov.my

5.2 Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP)

Sektor Dasar Keguruan,

Bahagian Pendidikan Guru,

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Aras 3, Blok E13, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62604 Putrajaya

u.p.: Puan Siti Mariam binti Sulaiman, Tel: 03-8884 1067,

Faks: 03-8884 1222 dan E-mel: mariam.sulaiman@moe.gov.my

u.p.: Encik Ahmad Sabri bin Abdullah, Tel: 03-8884 1060,

Faks: 03-8884 1222 dan E-mel: ahmad.sabri@moe.gov.my

6. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“SEHATI SEJIWA”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

Urus Setia,

Unit Latihan Dalam Perkhidmatan,

Cawangan Pembangunan Manusia dan Latihan,

Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,

Kementerian Pendidikan Malaysia,

Aras 4, Blok E12, Kompleks E,

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,

62604 Putrajaya.